SESI II : 2023/2024

# MAKLUMAT LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR, PELAJAR TANGGUH & PELAJAR PINDAH
# SESI II : 2023/2024



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
SESI II : 2023/2024

# MAKLUMAT LAPOR DIRI
# PELAJAR SENIOR, PELAJAR TANGGUH & PELAJAR PINDAH
# SESI II: 2023/2024

Adalah dimaklumkan bahawa Lapor Diri Pelajar Senior, Pelajar Tangguh & Pelajar Pindah sesi II: 2023/2024 untuk pelajar yang layak meneruskan pengajian selepas keputusan Peperiksaan Akhir Sesi I: 2023/2024 diumumkan adalah seperti berikut:

Bermula :

**25 Januari 2024**
**(Rabu)**

Semua pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk membuat Pendaftaran Pelajar Senior secara **ONLINE** di **spmp.psis.edu.my/login.jsp**.



# CARTA ALIR PROSES LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR




Pelajar wajib memastikan segala proses ini dipatuhi bagi memastikan proses pengajian bagi Sesi II: 2023/2024 tidak tergendala. Pelajar boleh menghubungi nombor berkenaan jika terdapat pertanyaan.

- **Unit Peperiksaan** (Jika terdapat soalan berkaitan dengan keputusan peperiksaan) – **03-3280 6235 / 6241 / 6236 / 6237**
- **JPPPel** (Jika terdapat soalan berkaitan dengan yuran atau isu lapor diri senior di i-HELP SPMP) – **03-3280 6255 / 6257 / 6256**
- **Jabatan Berkenaan** (Jika terdapat masalah berkaitan dengan pendaftaran kursus di i-DAFTAR SPMP) – **Rujuk Penasihat Akademik masing-masing.**
- **Unit Pengurusan Kediaman Pelajar** (Jika terdapat soalan berkaitan dengan penempatan pelajar - **03-3280 6403 / 6282 / 6285**

# CARTA ALIR PROSES LAPOR DIRI PELAJAR PINDAH




**Pelajar Pindah Politeknik** wajib memastikan segala proses ini dipatuhi bagi memastikan proses pengajian bagi Sesi I : 2022/2023 tidak tergendala. Pelajar boleh menghubungi nombor berkenaan jika terdapat pertanyaan.

- **JPPPel** (Jika terdapat soalan berkaitan dengan yuran atau isu lapor diri senior di i-HELP SPMP) – **03-3280 6257 / 6255 / 6256**
- **Jabatan Berkenaan** (Bagi proses pendaftaran kursus) – **Rujuk Ketua Program Jabatan yang berkenaan. 03-3280 6200**
- **Unit Pengurusan Kediaman Pelajar** (Jika terdapat soalan berkaitan dengan penempatan pelajar - **03-3280 6403 / 6282 / 6285)**

# YURAN PENGAJIAN & ASRAMA

Semua pelajar senior Politeknik Sultan Idris Shah yang layak meneruskan pengajian adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjelaskan Yuran Pengajian dan Yuran Asrama sebelum bermulanya sesi pengajian.

Yuran Pengajian Politeknik dan Yuran Asrama adalah dibayar melalui aplikasi JomPAY. **Anda DIWAJIBKAN untuk menyimpan slip bayaran Yuran bagi mengelakkan berlaku masalah di kemudian hari.**

| Bil | Jenis Bayaran | Jumlah (RM) | Kaedah Bayaran | Tempoh |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Yuran Pengajian | **200.00** | Bayar melalui Perbankan **JomPAY** darimana-mana banktempatan secara atas talian. **Penting: Biller Code Politeknik SultanIdris Shah (802587)** Sila laksanakan bayaran secara berasingan | 25 Jan – 01 Feb 2024 |
| 2 | Yuran Asrama ( Jika mendiami kolej kediaman) | **60.00** | | |

**KAEDAH PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN ASRAMA**

**(melalui JomPAY)**

**Langkah 1 :** Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau *mobile banking.*



**Langkah 2** : Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills*.




**Langkah 3** : Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut:

i. Biller Code **802587**

ii. Reference 1 : **Nombor Kad Pengenalan PELAJAR**
(tanpa simbol ‟ - ‟ . **Contoh : 030303120355**)

iii. Reference 2 : **Nombor Telefon PELAJAR**
(tanpa simbol ‟ - ‟. **Contoh : 0123456789**)

iv. Jumlah Yuran : **RM200.00 (Yuran Pengajian)**



**Langkah 4** : Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (***CONFIRM***) pembayaran.




**Langkah 5** : *Unique JomPAY Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.




**PERINGATAN:**

1. SILA ULANGI LANGKAH YANG SAMA UNTUK PEMBAYARAN YURAN ASRAMA
2. PEMBAYARAN YURAN ASRAMA HENDAKLAH DIBUAT SECARA BERASINGAN DARI YURAN PENGAJIAN

**PERINGATAN:**

1. Patuhi arahan ketika membuat pembayaran yuran melalui JomPAY.
2. Politeknik tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran pengajian RM200.00.
3. Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran.

# TAJAAN & BIASISWA

Bermula sesi Disember 2020, penerima bantuan Dermasiswa Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu **menyelesaikan bayaran Yuran Pengajian terlebih dahulu** sebelum sesi kuliah bermula pada 05 Februari 2024.

**PROSEDUR TUNTUTAN BALIK BAYARAN YURAN KEPADA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

1. Proses tuntutan balik bayaran yuran boleh dilakukan bermula 06 Februari 2024.
2. Pelajar perlu mengemukan bukti bayaran/invois **ASAL** yang lengkap dengan maklumat tuntutan dan pembayaran daripada Politeknik Sultan Idris Shah.
3. Salinan invois hendaklah dihantar melalui email :

   yuran@zakatselangor.com.my

4. Invois ASAL hendaklah diposkan ke alamat berikut:-

Eksekutif Pendidikan Dalam Negara,
Jabatan Pengurusan Pendidikan,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS),
Bangunan Zakat Selangor, 3-01-1,
Presint ALAMi, Pusat Perniagaan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor.

# TATACARA LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR MELALUI SPMP

**1.**

- Layari [http://spmp.psis.edu.my](http://spmp.psis.edu.my) dan log masuk ke dalam akaun pelajar.




**Klik iHELP**

**2.**

- Lihat pada menu **PENDAFTARAN** dan klik pada **Kemaskini Maklumat Penjaga.**
- Pelajar **DIWAJIBKAN** untuk mengemaskini maklumat seperti alamat ibubapa, alamat tempat tinggal semasa dan sebagainya.
- **KEGAGALAN** mengemaskini maklumat tersebut boleh dikenakan tindakan oleh pihak JPPPel.



**3.**

- Lihat menu **PENDAFTARAN** semula dan klik pada **Lapordiri Pelajar Senior.**
- Klik butang untuk mengesahkan lapordiri anda dan cetak **Slip Pengesahan Lapordiri.**



# TATACARA PENDAFTARAN KURSUS
# SESI II : 2023/2024

**DIBENARKAN HANYA PELAJAR YANG BERTARAF AKTIF DAN KEDUDUKAN BAIK (KB) (TIADA GAGAL KURSUS DAN TIADA MENGULANG KURSUS)**

a. Pendaftaran kursus perlu dilaksanakan pada awal semester dalam tempoh selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh rasmi sesi pengajian bermula.
b. Pendaftaran kursus di Jabatan masing-masing boleh dibuat semasa tempoh pendaftaran di Jabatan masing-masing melalui Penasihat Akademik jika pelajar bertaraf aktif mengalami masalah secara iDaftar (SPMP) atau tiada akses kepada internet semasa tempoh tersebut.
c. Pelajar dibenarkan/boleh mendaftar kursus melalui iDaftar dengan mendapat nasihat daripada Penasihat Akademik.
**d. Tarikh Pendaftaran kursus sesi ini adalah bermula pada 25/01 – 05/02/2024**

**DIBENARKAN HANYA PELAJAR YANG BERTARAF AKTIF DAN KEDUDUKAN BAIK (KB) (GAGAL KURSUS DAN MENGULANG KURSUS)**

a. Pendaftaran kursus perlu dilaksanakan pada awal semester dalam tempoh selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh rasmi sesi pengajian bermula.
b. Pelajar hendaklah mengambil semula kursus yang gagal pada semester sebelumnya.
c. Bagi kes Pelajar Semester Akhir yang gagal DUA (2) atau lebih kursus pada semester sebelumnya dikehendaki mengulang kursus yang gagal pada semester semasa.
d. Perlu mendapatkan kelulusan Penasihat Akademik terlebih dahulu sebelum mendaftar kursus.
**e. Tarikh Pendaftaran kursus sesi ini adalah bermula pada 25/01 – 05/02/2024**

## <u>SEBARANG PERTANYAAAN</u>

**Jabatan Pengurusan & Pembangunan Pelajar (JPPPel)**

Politeknik Sultan Idris Shah
Sungai Lang
45100 Sungai Air Tawar
Selangor.
**No Tel : 03 – 32806200 ext 6255/6256**